Penyata Kewangan pada
31 Disember, 2004 berserta dengan
Laporan Para Pengarah

Penyata Kewangan

LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan.

Aktiviti-aktiviti utama Kumpulan ialah memberi perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak dan menjalankan perniagaan kemudahan bulking bagi minyak kelapa sawit, minyak makan, minyak sayuran, lemak dan produk-produk yang berkaitan.

Tidak terdapat perubahan yang penting dalam aktiviti-aktiviti tersebut pada tahun kewangan kecuali subsidiari yang baru telah memulakan operasinya dalam memberi kemudahan bulking pada tahun kewangan.

HASIL KEWANGAN

	Kumpulan RM	Syarikat RM
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	111,690,018	62,256,901

DIVIDEN

Dividen bagi saham biasa yang dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Disember 2003 adalah seperti berikut:

	RM
Bagi tahun kewangan berakhir 31 December 2003 seperti yang ditunjukkan dalam laporan Pengarah bagi tahun berkenaan:	
Dividen kasar interim 5 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 28%, dibayar pada 18 Februari 2004	14,400,000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004:	
Dividen kasar interim 15 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 28% dibayar pada 1 Oktober 2004	43,200,000
Dividen kasar interim 5 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 28% dibayar pada 30 Disember 2004	14,400,000

Para pengarah telah mencadangkan pembayaran dividen kasar terakhir 10 sen sesaham ke atas 400,000,000 saham biasa, ditolak cukai pendapatan 28%, sebanyak RM28,800,000 bagi tahun kewangan semasa. Dividen tersebut, jika diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang, akan dibayar pada 1 Julai 2005 kepada para pemegang saham yang berdaftar sebagai ahli pada penutupan perniagaan pada 17 Jun 2005.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan yang penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan telah dinyatakan dalam penyata kewangan.

PARA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat sejak laporan yang lepas adalah seperti berikut:

Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff Bin Chin (Pengerusi, dilantik pada 1 November 2003)
Datuk Mohamed Adnan Bin Ali
Tan Sri Dato' Sri Dr. Samsudin Bin Hitam
Dato' Abdul Rahim Bin Mokti
Dato' Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx Bin Pengiran Mahran
Encik Subkey Bin Abdul Wahab
Dato' Shamsul Azhar Bin Abbas (dilantik pada 29 Julai 2004)
Datuk Fong Joo Chung (dilantik pada 16 September 2004)
Datu Hj Abang Halmi Bin Ikhwan (dilantik pada 4 November 2004)
Dato' Haji Mohd Ali Bin Haji Yasin (sehingga 18 April 2004 - meninggal dunia)

Menurut Tataurusan Syarikat, Datuk Fong Joo Chung, Dato' Shamsul Azhar Bin Abbas dan Datu Hj Abang Halmi Bin Ikhwan di bawah Artikel 132 dan Dato' Abdul Rahim Bin Mokti di bawah Artikel 127, bersara pada Mesyuarat Agung yang akan datang, dan oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik dan dilantik semula masing-masingnya.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini, tidak timbul sebarang persetujuan yang matlamatnya ialah bertujuan untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat dengan cara pemilikan saham dalam, atau debentur Syarikat dan lain-lain badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada pengarah telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada ganjaran pengarah yang dinyatakan dalam penyata kewangan) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengan Pengarah, atau dengan firma di mana ia adalah ahli atau dengan Syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM

Menurut daftar pemegangan saham para pengarah, pengarah-pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat dan perbadanan yang berkaitan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1 sesaham			
	Pada 1.1.2004	**Beli**	**Jual**	**Pada 31.12.2004**
Datuk Mohamed Adnan Bin Ali	5,000	-	-	5,000
Dato' Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx Bin Pengiran Mahran	1,331,800	-	(463,500)	868,300

Selain daripada yang dinyatakan di atas, menurut daftar pemegangan saham para pengarah, tiada pengarah lain memegang sebarang kepentingan saham dalam Syarikat dan perbadanan yang berkaitan dalam tahun kewangan.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

MAKLUMAT BERKANUN TENTANG PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan disediakan, para pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya:

(a) memastikan tindakan telah diambil berkaitan dengan pelupusan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskirakan dan memastikan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu, dan

(b) memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang yang kemungkinan besar sukar direalis dalam urusan biasa perniagaan, nilainya dinyatakan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah diturunkan nilainya kepada amaun yang dijangka mungkin diperolehi.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah berpendapat tiada sebarang keadaan yang membolehkan:

(a) jumlah dihapuskirakan untuk hutang lapuk atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu dalam akaun Kumpulan dan Syarikat yang tidak mencukupi;

(b) nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau

(c) kepatuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

Tiada sebarang liabiliti luarjangka atau liabiliti lain yang berkuatkuasa atau mungkin akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin, pada pendapat pengarah akan menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat bagi memenuhi obligasinya apabila telah tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

(a) sebarang caj terhadap aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau

(b) sebarang liabiliti luarjangka bagi Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada tarikh laporan ini para pengarah berpendapat tiada sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan, yang boleh menyebabkan jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat para pengarah:

(a) hasil operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketaranya oleh mana-mana item, transaksi atau peristiwa yang bersifat luar biasa; dan

(b) tidak timbul sebarang item, transaksi atau peristiwa yang bersifat penting dan luarbiasa dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dengan tarihk laporan ini yang dapat menjejaskan hasil operasi Kumpulan atau Syarikat bagi laporan ini dibuat.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi yang bertarikh 31 Mac 2005.

TUN DATO' SERI HJ. MOHD EUSOFF BIN CHIN
PENGARAH

DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI
PENGARAH

PENYATAAN PENGARAH

MENGIKUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT 1965

Kami, Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff Bin Chin dan Datuk Mohamed Adnan Bin Ali, sebagai dua orang daripada Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 85 hingga 112 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2004 dan hasil operasi serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi yang bertarikh 31 Mac 2005.

TUN DATO' SERI HJ. MOHD EUSOFF BIN CHIN
PENGARAH

DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI
PENGARAH

AKUAN BERKANUN

MENGIKUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT 1965

Saya, Rambli Bin Mashar, orang yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Bintulu Port Holdings Berhad, dengan takzim dan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 85 hingga 112, adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan kepercayaan bahawa ianya adalah benar dan mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

RAMBLI BIN MASHAR

Diakui dan diisytiharkan dengan sesungguhnya oleh penama yang tersebut di atas Rambli Bin Mashar di Kuala Lumpur pada 31 Mac 2005, di hadapan saya.

PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH
No. W 038
T. Thangapatanagam
MALAYSIA

Bilik 302, Tingkat 3
Bangunan Loke Yew,
Jalan Mahkamah Persekutuan

LAPORAN JURUAUDIT

KEPADA AHLI-AHLI BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD

(Company No. 380802-T)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 85 hingga 112. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat, berdasarkan audit kami, ke atas penyata kewangan tersebut, dan melaporkan pendapat kami kepada ahli-ahli sekalian, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggunjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperolehi keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti-bukti yang menyokong amaun-amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga meliputi penilaian terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran perakaunan penting yang dibuat oleh para Pengarah, serta penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan. Kami percaya bahawa audit yang kami laksanakan memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami:

(a) penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai:

   (i) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 yang perlu diambilkira dalam penyata kewangan; dan

   (ii) kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2004, dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut;

dan

(b) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, serta daftar-daftar yang wajib disimpan dibawah Akta oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya, yang mana kami bertindak sebagai juruaudit, telah disimpan dengan sempurna, selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan-keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan-laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian dan tidak mengandungi sebarang teguran di bawah seksyen 174 (3) Akta tersebut.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Bertauliah

THAYAPARAN A/L S. SANGARAPILLAI
No. 2085/09/06 (J))
Rakan Firma

Kuching

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004

	Nota	Kumpulan 2004 RM	Kumpulan 2003 RM	Syarikat 2004 RM	Syarikat 2003 RM
Perolehan	4	359,813,441	309,642,144	80,600,000	60,450,000
Lain-lain pendapatan operasi	5	14,554,995	14,709,388	7,237,671	7,905,084
Kos Staf	6	(48,044,263)	(46,519,232)	(196,244)	(188,495)
Pelunasan muhibah		(981,224)	(981,224)	-	-
Sewa bot tunda		(5,207,522)	(5,035,808)	-	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		(24,665,583)	(27,439,969)	(172)	-
Kos pengorekan		(15,462,919)	(13,216,088)	-	-
Bahan api, elektrik dan utiliti		(7,837,006)	(6,799,589)	(3,607)	(2,187)
Perbelanjaan Insurans		(4,857,629)	(4,189,794)	-	(3,447)
Sewa pajak kemudahan pelabuhan		(85,452,190)	(70,881,346)	-	-
Kerugian bagi hartanah dalam pembinaan dan untuk dijual		(2,700,000)	-	-	-
Baik pulih dan penyelenggaraan		(10,284,016)	(11,333,955)	(141,596)	(1,665)
Kos stevedor		(4,181,360)	(4,481,140)	-	-
Kerugian atas penjualan sekuriti boleh niaga		-	(7,383,416)	-	-
Amaun sekuriti bolehniaga disemak semula		-	12,376,066	-	-
Lain-lain perbelanjaan operasi		(9,408,392)	(10,250,609)	(765,988)	(809,332)
Keuntungan daripada aktiviti biasa sebelum cukai	7	155,286,332	128,215,428	86,730,064	67,349,958
Cukai	9	(43,596,314)	(37,583,644)	(24,473,163)	(19,096,000)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		111,690,018	90,631,784	62,256,901	48,253,958
Pendapatan sesaham Asas (sen)	10	27.92	22.66		
Dividen sesaham biasa bagi tahun kewangan (sen)	11	20	15	20	15

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER 2004

	Nota	Kumpulan 2004 RM	Kumpulan 2003 RM	Syarikat 2004 RM	Syarikat 2003 RM
ASET TAK SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	12	445,253,142	372,308,444	10,454	-
Pelaburan dalam subsidiari	13	-	-	309,999,998	300,000,000
Muhibah daripada pembelian	14	12,755,909	13,737,133	-	-
		458,009,051	386,045,577	310,010,452	300,000,000
ASET SEMASA					
Hartanah dalam pembinaan dan untuk jualan	15	8,609,586	11,359,586	-	-
Penghutang perdagangan	16	19,419,414	18,121,230	-	-
Lain-lain penghutang	17	20,291,249	63,410,957	2,143,602	1,994,179
Cukai belum terima		82,522	-	82,522	-
Dividen belum terima dari subsidiari		-	-	-	29,016,000
Deposit jangka pendek	18	488,098,191	442,988,578	243,043,000	232,143,000
Tunai dan baki di bank		5,760,745	8,917,465	487,045	2,704,889
		542,261,707	544,797,816	245,756,169	265,858,068
LIABILITI SEMASA					
Lain-lain pemiutang	19	70,645,102	47,159,747	996,400	1,079,876
Cukai belum bayar		11,476,712	6,860,220	-	264,872
Dividen belum bayar		-	14,400,000	-	14,400,000
		82,121,814	68,419,967	996,400	15,744,748
ASET SEMASA BERSIH		460,139,893	476,377,849	244,759,769	250,113,320
		918,148,944	862,423,426	554,770,221	550,113,320
Dibiayai oleh:					
Modal Saham	20	400,000,001	400,000,001	400,000,001	400,000,001
Rizab		484,445,544	430,355,526	154,770,220	150,113,319
EKUITI PEMEGANG SAHAM		884,445,545	830,355,527	554,770,221	550,113,320
LIABILITI TAK SEMASA					
Manfaat Persaraan	21	23,566,399	20,211,899	-	-
Cukai tertunda	22	10,137,000	11,856,000	-	-
		33,703,399	32,067,899	-	-
		918,148,944	862,423,426	554,770,221	550,113,320

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2004

Kumpulan	Nota	Modal Saham RM	Premium Saham Tak Boleh Diagih RM	Keuntungan Terkumpul Boleh Diagih RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2003		400,000,001	92,949,794	289,973,948	782,923,743
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	90,631,784	90,631,784
Dividen	11	-	-	(43,200,000)	(43,200,000)
Pada 31 Disember 2003		400,000,001	92,949,794	337,405,732	830,355,527
Pada 1 Januari 2004		400,000,001	92,949,794	337,405,732	830,355,527
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	111,690,018	111,690,018
Dividen	11	-	-	(57,600,000)	(57,600,000)
Pada 31 Disember 2004		400,000,001	92,949,794	391,495,750	884,445,545
Syarikat					
Pada 1 Januari 2003		400,000,001	92,949,794	52,109,567	545,059,362
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	48,253,958	48,253,958
Dividen	11	-	-	(43,200,000)	(43,200,000)
Pada 31 Disember 2003		400,000,001	92,949,794	57,163,525	550,113,320
Pada 1 Januari 2004		400,000,001	92,949,794	57,163,525	550,113,320
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	62,256,901	62,256,901
Dividen	11	-	-	(57,600,000)	(57,600,000)
Pada 31 Disember 2004		400,000,001	92,949,794	61,820,426	554,770,221

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2004

	Nota	Kumpulan 2004 RM	Kumpulan 2003 RM	Syarikat 2004 RM	Syarikat 2003 RM
AKTIVITI KENDALIAN					
Keuntungan daripada aktiviti biasa sebelum cukai		155,286,332	128,215,428	86,730,064	67,349,958
Pelarasan untuk:					
Peruntukan kerugian hartanah dalam pembinaan dan untuk jualan		2,700,000	-	-	-
Peruntukan bagi manfaat persaraan		3,682,175	3,374,217	-	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		24,665,583	27,439,969	172	-
Pelunasan muhibah		981,224	981,224	-	-
Kerugian/(keuntungan) daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		191,898	(612,998)	-	-
Amaun sekuriti boleh niaga yang disemak semula		-	(12,376,066)	-	-
Kerugian atas penjualan sekuriti boleh niaga		-	7,383,416	-	-
Pendapatan faedah		(14,174,094)	(12,651,014)	(7,237,671)	(7,905,084)
Pendapatan dividen kasar		-	(790,982)	(80,600,000)	(60,450,000)
		173,333,118	140,963,194	(1,107,435)	(1,005,126)
PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA:					
Hartanah dalam pembinaan dan untuk dijual		50,000	(50,000)	-	-
Penghutang		42,893,943	(18,640,435)	(28,182)	3,245,251
Faedah persaraan dibayar		(327,675)	(475,583)	-	-
Pemiutang		9,456,690	14,955,869	(83,476)	309,860
		225,406,076	136,753,045	(1,219,093)	2,549,985
Cukai dibayar		(40,781,344)	(34,527,531)	(2,252,557)	(2,091,364)
Cukai dibayar balik		-	1,145,621	-	1,145,621
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		184,624,732	103,371,135	(3,471,650)	1,604,242

	Nota	Kumpulan 2004 RM	Kumpulan 2003 RM	Syarikat 2004 RM	Syarikat 2003 RM
AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian sekuriti boleh niaga		-	(3,189,220)	-	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	12	(83,775,514)	(71,171,195)	(10,626)	-
Langganan saham dalam subsidiari/ Perbadanan subsidiari		-	-	(9,999,998)	(2)
Faedah diterima		13,101,675	13,695,089	7,116,430	5,963,698
Hasil daripada penjualan sekuriti boleh niaga		-	41,812,552	-	-
Hasil dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan		2,000	-	-	-
Dividen bersih diterima		-	675,857	87,048,000	58,032,000
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		(70,671,839)	(18,176,917)	84,153,806	63,995,696
AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Dividen dibayar		(72,000,000)	(72,000,000)	(72,000,000)	(72,000,000)
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan		(72,000,000)	(72,000,000)	(72,000,000)	(72,000,000)
PERUBAHAN BERSIH TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI		41,952,893	13,194,218	8,682,156	(6,400,062)
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN		449,273,043	436,078,825	234,829,889	241,229,951
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	23	491,225,936	449,273,043	243,512,045	234,829,889

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2004

1 MAKLUMAT AM

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan. Aktiviti-aktiviti utama Kumpulan ialah memberi perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak dan menjalankan perniagaan kemudahan bulking bagi minyak kelapa sawit, minyak makan, minyak sayuran, lemak dan produk-produk yang berkaitan.

Syarikat ini ialah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad.

Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Lot 15, Blok 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97008 Bintulu, Sarawak.

Bilangan kakitangan Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan adalah 813 dan 3 (2003: 787 dan tiada) masing-masingnya.

2 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah, melainkan sebaliknya dirujuk dalam rumusan penting dasar perakaunan.

Penyata kewangan ini mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi peruntukan Akta Syarikat 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan terhadap jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan, dan penzahiran aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan amaun hasil dan perbelanjaan bagi tahun kewangan. Meskipun anggaran ini adalah berdasarkan pengetahuan Pengarah yang sebaik-baiknya tentang peristiwa semasa, namun hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran.

3 RUMUSAN DASAR PENTING PERAKAUNAN

(a) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiarinya. Syarikat subsidiari adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti syarikat-syarikat tersebut.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pemerolehan kecuali bagi satu subsidiari yang menggunakan kaedah perakaunan penggabungan di mana kos pelaburan dalam buku syarikat direkodkan pada nilai nominal saham yang diterbitkan dan perbezaan antara nilai bawa dan nilai nominal saham yang diambil alih dianggap sebagai rizab penggabungan ataupun defisit penggabungan. Hasil syarikat yang disatukan diambil kira seolah-olah penggabungan tersebut telah berlaku sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Kumpulan telah mengambil peluang daripada pengecualian di bawah MASB 21 “Business Combinations” bagi menerapkan piawaian ini.

Urusniaga antara kumpulan, baki dan hasil laba yang belum direalisasi yang diperoleh dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan transaksi luaran. Kerugian yang tak direalisasi dihapuskan semasa penyatuan, melainkan kos tersebut tidak dapat diperolehi semula.

3 RUMUSAN DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(b) Muhibah daripada Pembelian

Muhibah daripada pembelian merupakan lebihan kos yang dibayar oleh subsidiari untuk pembelian perniagaan daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu ke atas nilai aset bersih yang diambil alih berdasarkan Perjanjian Penswastaan antara Kerajaan Malaysia, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan subsidiari Kumpulan.

Muhibah daripada pembelian dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Dasar perakaunan berkaitan pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan dalam Nota 3 (m).

Muhibah daripada pembelian dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya selama dua puluh lima tahun.

(c) Pelaburan dalam Subsidiari

Pelaburan Syarikat dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai. Dasar perakaunan berkaitan pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan pada Nota 3 (m).

Semasa penjualan pelaburan berkenaan, perbezaan antara kutipan jualan dan amaun dibawa dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

(d) Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Dasar perakaunan berkaitan pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan dalam Nota 3 (m).

Kerja dalam perlaksanaan tidak disusutnilai. Susutnilai bagi hartanah-hartanah lain, loji dan peralatan diperuntukan mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskirakan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaannya pada kadar tahunan berikut:

Bangunan dan struktur pelabuhan	22 hingga 25 tahun
Bangunan dan kemudahan bulking	4% - 10%
Loji dan peralatan	4% - 25%
Kenderaan bermotor	14.3%
Perabot pejabat, kelengkapan dan peralatan	10% - 13%
Kapal	6% - 13%

Selepas penjualan hartanah, loji dan peralatan, perbezaan antara hasil jualan bersih dan amaun dibawa dicajkan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

(e) Hartanah dalam pembinaan dan untuk dijual

Hartanah dalam pembinaan dan untuk dijual dinyatakan pada kos, setelah ditolak kerugian terkumpul kemerosotan nilai. Dasar perakaunan berkaitan pengiktirafan dan ukuran kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan dalam Nota 3 (m).

(f) Penghutang perdagangan

Penghutang perdagangan adalah pada nilai dijangka yang terealis. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti. Taksiran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penilaian semua baki amaun seperti pada tarikh lembaran imbangan.

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN
- 31 DISEMBER 2004 (SAMBUNGAN)

3 RUMUSAN DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(g) Tunai dan bersamaan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit panggilan daripada pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(h) Pemiutang perdagangan

Pemiutang perdagangan dinyatakan pada kos, iaitu nilai saksama bagi pembelian yang akan dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima pada masa akan datang.

(i) Modal saham

Klasifikasi

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti.

Dividen kepada pemegang diiktiraf saham syarikat

Dividen saham biasa diikhtiraf sebagai liabiliti dalam tempoh ia diisytiharkan.

(j) Cukai tertunda

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara yang timbul daripada amaun diperuntukan bagi aset dan liabiliti bagi tujuan percukaian, dan bagi amaun dibawa dalam penyata kewangan.

Cukai tertunda diiktiraf sehingga kemungkinan bahawa terdapat keuntungan yang boleh dikenakan cukai pada masa depan yang boleh ditolak daripada perbezaan sementara.

Kadar cukai dalam lembaran imbangan digunakan untuk menentukan cukai tertunda.

(k) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan bergaji, bonus dan faedah bukan dalam bentuk wang diakrukan bagi tempoh perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja kepada Kumpulan.

(ii) Manfaat Persaraan

Pelan sumbangan tetap
Sumbangan Kumpulan kepada pelan sumbangan tetap dicajkan kepada penyata pendapatan dalam tempoh yang berkenaan. Apabila sumbangan telah dibayar, Kumpulan tidak lagi mempunyai obligasi untuk membayarnya.

Pelan tetap persaraan
Kumpulan mengendalikan Skim Manfaat Persaraan tanpa dana bagi pekerjanya. Manfaat diberi berdasarkan gaji akhir yang diterima oleh pekerja dan jumlah tahun perkhidmatan dengan Kumpulan.

Peruntukan telah dibuat dalam lembaran imbangan Kumpulan bagi kos manfaat persaraan di bawah Skim ini di mana ianya ditetapkan berdasarkan penilaian aktuari tiga tahun sekali dengan menggunakan kaedah unit kredit diunjurkan. Di bawah kaedah ini, kos menyediakan manfaat persaraan dicajkan ke dalam penyata pendapatan dengan cara sistematik agar kos diagihkan sepanjang hayat pekerja bekerja dengan Kumpulan. Obligasi diukur dengan menggunakan perolehan pada tarikh lembaran imbangan terhadap sekuriti kerajaan yang mempunyai tempoh kematangan hampir menyamai syarat obligasi Kumpulan.

3 RUMUSAN DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(k) Manfaat pekerja (sambungan)

(ii) Manfaat Persaraan (sambungan)

Pelan tetap persaraan (sambungan)

Laba dan kerugian aktuari adalah daripada perubahan dalam andaian aktuari dan perbezaan antara andaian aktuari dengan kejadian sebenar. Keuntungan dan kerugian berkenaan dikreditkan atau dicajkan kepada penyata pendapatan bagi tempoh baki purata hayat bekerja seseorang pekerja yang menyertai pelan tersebut.

(l) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila wujud kemungkinan bahawa manfaat ekonomi berkaitan dengan urus niaga disalurkan kepada syarikat dan jumlah pendapatan itu boleh diukurkan dengan munasabah.

(i) Pendapatan daripada operasi pelabuhan

Pendapatan daripada operasi pelabuhan diiktiraf setelah ditolak rebet berdasarkan asas akruan apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

(ii) Pendapatan daripada kemudahan bulking

Pendapatan daripada penyewaan kemudahan bulking diiktiraf berdasarkan asas akruan.

(iii) Faedah pendapatan

Pendapatan faedah diiktiraf mengikut dasar pembahagian masa yang menunjukkan pulangan efektif aset tersebut.

(iv) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah terbukti.

(m) Rosotnilai aset

Pada setiap lembaran imbangan, Kumpulan mengkaji amaun dibawa aset, selain aset yang diperolehi daripada perbelanjaan projek pembangunan, aset cukai tertunda dan aset yang diperolehi daripada manfaat kakitangan dan juga aset kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petanda kemerosotan nilai. Sekiranya terdapat sebarang petanda, rosotnilai diukur membandingkan nilai aset dibawa dengan amaun yang boleh diterima. Amaun boleh terima ialah harga jualan bersih dan nilai yang diguna pakai yang mana lebih tinggi, diukur merujuk kepada aliran tunai hadapan didiskaunkan. Amaun boleh terima dianggarkan bagi setiap aset atau jika tidak boleh, dianggarkan bagi unit penghasilan tunai.

Kerugian rosotnilai dicaj kepada penyata pendapatan serta-merta. Balikan kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi tahun sebelumnya direkodkan sekiranya ada petanda bahawa kerugian rosotnilai diambil kira bagi aset tidak wujud lagi, atau telah berkurangan. Balikan diiktiraf hingga tahap amaun dibawa aset tersebut dikenal pasti (tolak pelunasan dan susutnilai) jika tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Balikan diiktiraf dalam penyata pendapatan serta-merta.

(n) Sewa pajak

Sewa pajak operasi dikelaskan sebagai sewa pajak aset di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan ditanggung oleh pemilik aset. Bayaran yang dibuat bagi sewa pajak operasi dicajkan kepada penyata pendapatan.

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN
- 31 DISEMBER 2004 (SAMBUNGAN)

3 RUMUSAN DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(o) Instrumen kewangan

(i) Deskripsi

Instrumen kewangan merupakan mana-mana kontrak yang memberi aset kewangan bagi sesuatu perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi perusahaan lain.

Aset kewangan merupakan mana-mana aset dalam bentuk tunai, hak kontrak untuk pertukaran instrumen kewangan dengan perusahaan lain dengan syarat yang berpotensi untuk memihak, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Liabiliti kewangan merupakan mana-mana liabiliti yang merupakan obligasi kontrak untuk menyediakan tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain dengan syarat yang berpotensi untuk tidak memihak.

(ii) Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan

Kaedah pengiktirafan bagi instrumen kewangan dalam lembaran imbangan dinyatakan dalam nota dasar perakaunan yang berkaitan dengannya.

(iii) Anggaran Nilai Saksama untuk tujuan pendedahan

Nilai saksama bagi aset dan liabiliti kewangan ditaksirkan dengan cara ‘discounting’ aliran tunai kontrak masa depan pada kadar faedah pasaran semasa yang ada pada Kumpulan bagi aset dan liabiliti yang serupa.

Nila muka, tolak mana-mana pelarasan ditaksirkan bagi aset dan liabiliti kewangan matang dalam tempoh kurang daripada setahun diandaikan sesuai bagi nilai saksama.

Syarikat tidak mempunyai instrumen lindung nilai.

4 PEROLEHAN

		Kumpulan		Syarikat
	2004 RM	2003 RM	2004 RM	2003 RM
Hasil daripada perkhidmatan pelabuhan yang diberikan	359,670,704	309,642,144	-	-
Hasil daripada penyewaan kemudahan bulking	142,737	-	-	-
Pendapatan dividen daripada subsidiari	-	-	80,600,000	60,450,000
	359,813,441	309,642,144	80,600,000	60,450,000

5 LAIN-LAIN PENDAPATAN OPERASI

	Kumpulan 2004 RM	Kumpulan 2003 RM	Syarikat 2004 RM	Syarikat 2003 RM
Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan dalam sekuriti bolehniaga, disebutharga di Malaysia	-	790,982	-	-
Pendapatan faedah	14,174,094	12,651,014	7,237,671	7,905,084
Pendapatan daripada sewa	98,151	103,492	-	-
Lain-lain	282,750	1,163,900	-	-
	14,554,995	14,709,388	7,237,671	7,905,084

6 KOS STAF

	Kumpulan 2004 RM	Kumpulan 2003 RM	Syarikat 2004 RM	Syarikat 2003 RM
Upah, gaji, elaun dan bonus	32,505,984	31,951,744	120,915	64,600
Manfaat Tetap Skim Manfaat Persaraan	3,682,175	3,374,217	-	-
Pelan sumbangan Tetap (KWSP)	3,447,589	3,348,387	5,030	-
Lain-lain kos pekerja	8,203,959	7,419,772	19,799	23,395
Ganjaran pengarah eksekutif (Nota 8)	204,556	425,112	50,500	100,500
	48,044,263	46,519,232	196,244	188,495

Butir-butir manfaat Skim Persaraan bagi Kumpulan ada terkandung dalam Nota 21 penyata kewangan.

7 PENYATA PENZAHIRAN PENDAPATAN TAMBAHAN

Jumlah berikut telah dicajkan / (dikreditkan) dalam menentukan keuntungan daripada aktiviti biasa sebelum cukai:

	Kumpulan 2004 RM	Kumpulan 2003 RM	Syarikat 2004 RM	Syarikat 2003 RM
Ganjaran juruaudit	84,000	60,500	35,000	30,000
Ganjaran pengarah bukan eksekutif	417,917	319,100	313,290	243,600
Sewa peralatan	134,643	226,546	37,210	39,630
Sewa kenderaan bermotor	4,853	-	35,700	46,800
Sewa bangunan	18,759	-	50,459	31,950
Kerugian/(Keuntungan) daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	191,898	(612,998)	-	-

8 GANJARAN PENGARAH

Jumlah emolumen diterima dan belum dibayar oleh/kepada Pengarah Syarikat dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2004	2003	2004	2003
Para Pengarah Syarikat	RM	RM	RM	RM
Pengarah Eksekutif				
- gaji, bonus dan lain-lain emolumen	147,000	311,500	30,000	60,000
- yuran	30,000	60,000	18,000	36,000
- pelan sumbangan tetap (KWSP)	22,056	44,112	-	-
- lain-lain ganjaran	5,500	9,500	2,500	4,500
- anggaran nilai wang faedah dalam bentuk lain	4,400	8,800	-	-
	208,956	433,912	50,500	100,500
Pengarah-pengarah bukan eksekutif				
- yuran	322,484	252,000	264,290	210,000
- lain-lain ganjaran	62,500	38,600	49,000	33,600
- anggaran nilai wang faedah dalam bentuk lain	5,867	-	-	-
	390,851	290,600	313,290	243,600
Lain-lain Pengarah Subsidiari				
Pengarah-pengarah bukan eksekutif				
- yuran	29,933	24,000	-	-
- lain-lain ganjaran	3,000	4,500	-	-
	32,933	28,500	-	-
Jumlah	632,740	753,012	363,790	344,100
Analisis tidak termasuk faedah selain kewangan:				
Jumlah ganjaran pengarah eksekutif tidak termasuk faedah selain kewangan (Nota 6)	204,556	425,112	50,500	100,500
Jumlah ganjaran pengarah bukan eksekutif tidak termasuk faedah selain kewangan (Nota 7)	417,917	319,100	313,290	243,600
Jumlah ganjaran pengarah tidak termasuk faedah dalam bentuk lain	622,473	744,212	363,790	344,100

8 GANJARAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

Bilangan pengarah Syarikat yang jumlah ganjarannya tergolong dalam kategori berikut adalah seperti di bawah:

	Bilangan Pengarah 2004	2003
Pengarah Eksekutif:		
RM200,001 - 250,000	1	-
RM350,001 - 400,000	-	-
RM400,001 - RM450,000	-	1
Pengarah Bukan Eksekutif:		
Di bawah RM50,000	6	4
RM50,001 - RM100,000	3	2

9 CUKAI

	Kumpulan 2004 RM	2003 RM	Syarikat 2004 RM	2003 RM
Bagi tahun kewangan semasa:				
Cukai berkanun Malaysia	46,063,633	33,732,644	24,544,697	19,096,000
Cukai tertunda (Nota 22)	(1,719,000)	3,851,000	-	-
	44,344,633	37,583,644	24,544,697	19,096,000
Bagi tahun kewangan terdahulu:				
Cukai berkanun Malaysia	(748,319)	-	(71,534)	-
	43,596,314	37,583,644	24,473,163	19,096,000

Penjelasan berkaitan hubungan antara perbelanjaan cukai dan keuntungan daripada aktiviti biasa sebelum cukai adalah seperti berikut:

	Kumplan 2004 RM	2003 RM	Syarikat 2004 RM	2003 RM
Keuntungan daripada aktiviti biasa sebelum cukai	155,286,332	128,215,428	86,730,064	67,349,958
Cukai dikira berdasarkan kadar cukai Malaysia sebanyak 28% (2003: 28%)	43,480,173	35,900,319	24,284,418	18,857,988
Kesan cukai atas:				
- perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan percukaian	612,672	1,683,325	260,279	238,012
- lebihan peruntukan tahun lepas	(748,319)	-	(71,534)	-
- kerugian cukai tahun semasa tidak diiktiraf	232,569	-	-	-
- perbezaan sementara yang dibenar tidak diiktiraf	19,219	-	-	-
	43,596,314	37,583,644	24,473,163	19,096,000

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN
- 31 DISEMBER 2004 (SAMBUNGAN)

9 CUKAI (SAMBUNGAN)

Kerugian cukai tahun semasa tidak diiktiraf adalah berkaitan subsidiarinya, Biport Bulkers Sdn. Bhd.. Amaun kerugian cukai yang tidak digunakan dan perbezaan sementara yang dibenar di mana tiada cukai tertunda diambil kira dalam lembaran imbangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM	2003 RM	2004 RM	2003 RM
Kerugian cukai	830,604	-	-	-
Perbezaan sementara yang dibenar	68,639	-	-	-
	899,243	-	-	-

10 PENDAPATAN SESAHAM

Pendapatan asas sesaham Kumpulan dikira dengan membahagikan keuntungan bersih tahun semasa dengan bilangan saham biasa yang diterbitkan sepanjang tahun kewangan.

		Kumpulan	
		2004	2003
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	(RM)	111,690,018	90,631,784
Bilangan saham biasa yang diterbitkan		400,000,000	400,000,000
Pendapatan asas sesaham	(Sen)	27.92	22.66

11 DIVIDEN

	Kumpulan dan Syarikat			
	2004		2003	
	Dividen kasar sesaham Sen	Amaun dividen bersih RM	Dividen kasar sesaham Sen	Amaun dividen bersih RM
Dividen interim:				
- 15 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 28%	15	43,200,000	-	-
- 10 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 28%	-	-	10	28,800,000
- 5 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 28%	5	14,400,000	5	14,400,000
Jumlah	20	57,600,000	15	43,200,000

Para pengarah telah mencadangkan pembayaran dividen kasar terakhir 10 sen sesaham ke atas 400,000,000 saham biasa, ditolak cukai pendapatan 28%, sebanyak RM28,800,000 bagi tahun kewangan semasa. Dividen tersebut, jika diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang, akan dibayar pada 1 Julai 2005 kepada para pemegang saham yang berdaftar sebagai ahli pada penutupan perniagaan pada 17 Jun 2005.

12 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan 2004	Bangunan dan struktur pelabuhan RM	Bangunan dan kemudahan bulking RM	Loji dan peralatan RM	Kenderaan bermotor RM	Perabot, kelengkapan, dan peralatan pejabat RM	Kapal RM	Kerja Dalam perlaksanaan RM	Jumlah RM
Kos								
Pada 1 Januari 2004	230,798,410	-	106,664,649	4,370,979	12,968,443	65,873,858	93,701,458	514,377,797
Tambahan	-	51,096,285	13,313,388	1,396,382	630,429	-	31,379,695	97,816,179
Pelupusan	-	-	-	-	(822,305)	-	-	(822,305)
Klasifikasi Semula	-	-	9,208,447	-	782,505	3,160,000	(13,150,952)	-
Pada 31 Disember 2004	230,798,410	51,096,285	129,186,484	5,767,361	13,559,072	69,033,858	111,930,201	611,371,671
Susutnilai Terkumpul								
Pada 1 Januari 2004	47,528,058	-	48,659,683	3,609,653	8,709,194	33,562,765	-	142,069,353
Caj bagi tahun kewangan	9,712,005	170,321	10,998,323	325,650	963,805	2,495,479	-	24,665,583
Pelupusan	-	-	-	-	(616,407)	-	-	(616,407)
Pada 31 Disember 2004	57,240,063	170,321	59,658,006	3,935,303	9,056,592	36,058,244	-	166,118,529
Nilai buku bersih								
Pada 31 Disember 2004	173,558,347	50,925,964	69,528,478	1,832,058	4,502,480	32,975,614	111,930,201	445,253,142
Pada 31 Disember 2003	183,270,352	-	58,004,966	761,326	4,259,249	32,311,093	93,701,458	372,308,444

Bangunan dan struktur pelabuhan Kumpulan didirikan di atas tanah yang dipajakan daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu. Pajakan ini akan tamat pada tahun 2022. Kerja dalam perlaksanaan adalah berkaitan dengan pembesaran kemudahan pelabuhan dan projek perbelanjaan modal Kumpulan. Kerja dalam perlaksanaan termasuk jumlah RM8,620,000 (2003: RM8,620,000) yang merupakan bayaran kemajuan kepada pemaju berkaitan dengan projek perumahan staf subsidiari seperti yang dinyatakan dalam Nota 15 penyata kewangan.

Kerja dalam perlaksanaan termasuk kos sebanyak RM31,404,972 (2003 : RM31,404,972) berkaitan pembinaan tiga unit bot tunda. Kerja tersebut telah ditangguhkan buat sementara.

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN
- 31 DISEMBER 2004 (SAMBUNGAN)

12 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Peralatan pejabat RM	Jumlah RM
Syarikat		
2004		
Kos		
Pada 1.1.2004	-	-
Tambahan	10,626	10,626
Pelupusan	-	-
Pada 31.12.2004	10,626	10,626
Susutnilai Terkumpul		
Pada 1.1.2004	-	-
Caj bagi tahun kewangan	172	172
Pelupusan	-	-
Pada 31.12.2004	172	172
Nilai buku bersih		
Pada 31.12.2004	10,454	10,454
Pada 31.12.2003	-	-

Hartanah, loji dan peralatan diperolehi dengan cara:

	Kumpulan 2004 RM	Kumpulan 2003 RM	Syarikat 2004 RM	Syarikat 2003 RM
Tunai	83,775,514	71,171,195	10,626	-
Berbayar	14,028,665	12,829,425	-	-
Tukar beli	12,000	613,000	-	-
	97,816,179	84,613,620	10,626	-

13 PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

	Syarikat 2004 RM	Syarikat 2003 RM
Saham tidak disebut, pada kos	309,999,998	300,000,000

Pada tahun kewangan semasa, Syarikat telah melanggan 9,999,998 saham biasa baru pada RM1 sesaham dalam subsidiarinya, Biport Bulkers Sdn. Bhd., dengan balasan tunai sebanyak RM9,999,998.

13 PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butir subsidiari adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Negara diperbadankan	Faedah ekuiti efektif 2004 %	2003 %	Aktiviti utama
Bintulu Port Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Memberi perkhidmatan Pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak
Biport Bulkers Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Menjalankan perniagaan kemudahan bulking bagi minyak kelapa sawit, minyak makan, minyak sayuran, lemak dan produk-produk yang berkaitan.

14 MUHIBAH DARIPADA PEMBELIAN

	Kumpulan 2004 RM	2003 RM
Nilai buku bersih:		
Pada awal tahun kewangan	13,737,133	14,718,357
Tolak: Pelunasan terkumpul	(981,224)	(981,224)
Akhir tahun kewangan	12,755,909	13,737,133
Pada kos	24,530,596	24,530,596
Tolak: Pelunasan terkumpul	(11,774,687)	(10,793,463)
	12,755,909	13,737,133

Muhibah mewakili lebihan amaun yang dibayar bagi pembelian perniagaan oleh subsidiari Syarikat daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu terhadap aset bersih yang diperolehi berdasarkan Perjanjian Penswataan antara Kerajaan Malaysia, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan subsidiari Syarikat.

15 HARTANAH DALAM PEMBINAAN DAN UNTUK DIJUAL

	Kumpulan 2004 RM	2003 RM
Hartanah dalam pembinaan dan untuk dijual, pada kos	15,309,586	15,359,586
Tolak: Kerugian terkumpul dijangka	(6,700,000)	(4,000,000)
	8,609,586	11,359,586

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN
- 31 DISEMBER 2004 (SAMBUNGAN)

15 HARTANAH DALAM PEMBINAAN DAN UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)

Hartanah dalam pembinaan dan dimiliki untuk dijual adalah berkaitan dengan pembayaran kemajuan kepada pemaju bagi rumah-rumah yang dibeli oleh subsidiarinya, Bintulu Port Sdn. Bhd. berhubung dengan projek perumahan staf di Bintulu. Projek diabaikan pada tahun 2000. Untuk itu, subsidiari telah mengeluarkan notis penamatan kerja kepada pemaju pada 30 Jun 2003, dan telah menguasai tapak projek. Pada November 2003, pemaju telah mengemukakan tuntutan sebanyak RM13,881,027 kepada Bintulu Port Sdn. Bhd.. Pemaju juga telah mengemukakan tuntutan yang baru sebanyak RM14,112,905 pada 23 Jun 2004. Tuntutan ini dinyatakan sebagai liabiliti luarjangka dalam Nota 30 penyata kewangan.

Selain daripada itu, Syarikat telah melantik Syarikat Perumahan Negara Berhad dalam tahun 2003 sebagai pemaju yang baru untuk menyiapkan projek. Kini, Kumpulan sedang memuktamadkan perjanjian dengan pemaju yang baru, dan pembinaan projek sedang dalam perlaksanaan.

Suratan hak milik ke atas harta berkenaan masih belum dipindahmilik kepada Syarikat subsidiari oleh pemaju sebelum ini.

16 PENGHUTANG PERDAGANGAN

Urusniaga dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Termasuk dalam penghutang perdagangan adalah amaun belum terima dari Malaysia LNG Sdn. Bhd., ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd.,MISC Agencies (Sarawak) Sdn. Bhd. dan PS Terminal Sdn. Bhd. berjumlah RM9,263,985 (2003: RM12,177,952), RM14,274 (2003: RM70,205), RM329,020 (2003: RM128,541) dan RM55,119 (2003: RM66,343), masing-masingnya. Semua syarikat berkenaan merupakan subsidiari kepada pemegang saham utama, Petroliam Nasional Berhad.

Tempoh syarat kredit biasa perdagangan Kumpulan adalah di antara 15 hingga 45 hari. Syarat kredit lain diluluskan mengikut kes.

Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang besar yang mungkin timbul daripada pendedahan kepada seorang penghutang atau kepada sekumpulan penghutang.

17 LAIN-LAIN PENGHUTANG

	Kumpulan		Syarikat	
	2004 RM	2003 RM	2004 RM	2003 RM
Amaun daripada subsidiari	-	-	65,309	51,793
Amaun daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu	7,050,698	49,911,514	-	-
Pinjaman kakitangan	4,333,916	5,256,664	-	-
Prabayaran	323,952	380,588	3,788	-
Pelbagai penghutang	8,582,683	7,862,191	2,074,505	1,942,386
	20,291,249	63,410,957	2,143,602	1,994,179

Jumlah hutang daripada subsidiari adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada syarat pembayaran yang tetap.

